



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan sekali) sedang membincangkan sesuatu dengan ketua-ketua negara lain

ketika di majlis perasmian Persidangan Ketua Negara Komanwel (CHOGRM) di Suva, Fiji, kelmarin.

Sidang Fiji tegang akibat sikap India

Oleh **ABD. RAHMAN ADNAN**

SUVA (Fiji), Ahad — Perselisihan hebat telah berlaku di kalangan para pegawai yang merangka draf kenyataan bersama yang akan dikeluarkan pada hari Isnin oleh ketua-ketua kerajaan yang menghadiri sidang CHOGRM III di sini, sumber-sumber persidangan melaporkan.

Sumber-sumber itu berkata, para pegawai telah dapat bersetuju dengan perkataan-perkataan yang digunakan bagi ke semua isu politik yang disentuh melainkan soal Kampuchea.

Ketegangan berpunca apabila perwakilan India

membantah susunan ayat mengenai sikap sidang kemuncak itu, sedangkan Malaysia dan Singapura mahu mempertahankan sikap Asean, yang disokong oleh kebanyakan negara lain.

Perdana Menteri India, Puan Indira Gandhi, tidak hadir, begitu juga Menteri Luarnya, Encik Narasimha Rao, tidak hadir semasa isu-isu politik dibahaskan semalam. India diwakili hanya oleh seorang pegawai kanan bertaraf duta.

Sumber-sumber itu

berkata, apabila para pegawai itu gagal mencapai kata sepakat, para pegawai Malaysia, Singapura dan India, dengan wakil Australia menjadi orang tengah, diminta merundingkan semula draf mengenai Kampuchea itu.

Mereka berbincang selama 45 minit tetapi gagal mencapai persetujuan.

Akhirnya, perkara ini terpaksa dirujuk semula kepada sidang penuh ketua-ketua kerajaan, kata sumber-sumber itu.

Sikap India yang

menyokong kerajaan boneka Vietnam Heng Samrin yang pro Soviet di Phnom Penh telah dikutuk sekeras-kerasnya oleh Malaysia dan negara-negara Asean lain sebelum ini.

Tetapi di Suva ini, Malaysia dan Singapura tidak mahu membesarkan isu ini, sebaliknya menekankan soal kerjasama ekonomi serantau.

Tetapi India, kata sumber-sumber itu enggan bertolak ansur dan terus "menegak benang basah" walaupun tidak bersedia membuat sumbangan kepada perbahasan mengenai soal politik yang dijalankan semalam.